

28 MAY 1997

Tajol Rosli-Pelantikan

TAJOL ROSLI TERHARU TERIMA TANGGUNGJAWAB BARU

KUALA LUMPUR, Mei 28 (Bernama) -- Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Mohamed Tajol Rosli Ghazali berkata beliau akan sentiasa menghubungi Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dalam melaksanakan tugas barunya sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri berkuatkuasa Sabtu ini.

Selain mempelajari bidang tugas itu, Tajol Rosli berkata beliau akan meneruskan kerja yang dibuat Megat Junid.

"Saya akan sentiasa menghubungi (Datuk) Megat Junid untuk mempelajari bidang kerja di Kementerian Dalam Negeri apabila saya mula bertugas nanti," katanya ketika ditemui pemberita di pejabatnya, di sini.

Sehubungan itu, beliau mengucapkan ribuan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Dalam Negeri, kerana memberikan kepercayaan kepadanya mengambil alih jawatan Megat Junid.

Megat Junid pula dilantik sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna setelah menyandang jawatan Timbalan Menteri lebih 10 tahun.

Tajol Rosli berkata beliau akan mengunjungi Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim sebelum memulakan tugas barunya.

Ketika ditanya bila beliau mengetahui mengenai pelantikannya itu, Tajol Rosli berkata perkara itu dimaklumkan kepadanya semasa beliau berkempen untuk Datuk Abu Hassan Omar, yang dinamakan sebagai Menteri Besar Selangor, di Kuala Selangor baru-baru ini.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh kerana memberinya sepenuh kebebasan semasa menjalankan tugas sebagai timbalan menteri di kementerian itu.

"Selama di sini, saya dapati sungguh senang berkerja di bawah (Datuk Dr) Ting dan yakin pengalaman di sini dapat dimanfaatkan di Kementerian Dalam Negeri," katanya.

Tajol Rosli, 53, merupakan lulusan Universiti Melbourne, Australia dalam bidang perdagangan.

Beliau dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada 1983 dan dilantik sebagai Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar pada 1986. Kemudian beliau menjadi Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pada 1990 dan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak tahun 1995. -- BERNAMA

YBK NHD NAK